

JABATAN KORPORAT

TARIKH:07.10.2024 MASA:9.04 AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM KOMUNITI – CERAMAH DAN PAMERAN
KESEDARAN BAHAYA DADAH DI SEKOLAH
(PROGRAM TEMPAT KERJA BEBAS DADAH) MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**09 OKTOBER 2024 (RABU)
10.30 PAGI**

**SEKOLAH KEBANGSAAN KEBUN SIREH
JALAN KEBUN SIREH
BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. **YBhg. Dato' Haji Baderul Amin Bin Abdul Hamid**
Datuk Bandar Seberang Perai
2. **Yang Berusaha Puan Elmariah Chung**
Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Negeri Pulau Pinang
3. **Yang Berusaha Encik Mohamad Said Bin Ibrahim**
Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
4. **Yang Berusaha Encik Ahmad Zurais bin Ismail**
Guru Besar
Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh
5. **Yang Dihormati Barisan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai
6. **Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai
7. **Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**
Majlis Bandaraya Seberang Perai
8. **Pegawai-Pegawai Kanan**
Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Seberang Perai Tengah
9. **Pegawai-Pegawai Kanan**
Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah
10. **Guru-guru dan Pelajar Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh**
11. **Kakitangan-kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**
12. **Rakan-Rakan Media**
13. **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam **Program Komuniti – Ceramah dan Pameran Kesedaran Bahaya Dadah di Sekolah (Program Tempat Kerja Bebas Dadah) Majlis Bandaraya Seberang Perai** di Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh, Bukit Mertajam.
2. Program Komuniti – Ceramah dan Pameran Kesedaran Bahaya Dadah di Sekolah (Program Tempat Kerja Bebas Dadah - TEKAD) ini dianjurkan sempena dengan Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai Kali Ke-5 Tahun 2024.
3. MBSP adalah merupakan salah satu organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan Program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang diperkenalkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Program ini bertujuan mendidik dan memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di tempat kerja kepada majikan dan pekerja serta memberi kemahiran dalam menguruskan pekerja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Di samping itu, ianya juga menyediakan program pemulihan yang berkesan dan mencegah

penyalahgunaan dadah di tempat kerja dan mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

4. MBSP telah berjaya melengkapkan lima (5) langkah bagi melayakkan MBSP menerima Sijil Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang diterima pada 24 November 2023 sempena Sambutan Bulan Integriti Peringkat MBSP Tahun 2023.
5. Bagi membuktikan MBSP mengambil serius berhubung pelaksanaan Tempat Kerja Bebas Dadah ini, MBSP telah mengambil peluang untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai tanda sokongan sumber program antidadah kepada Agensi Antidadah Kebangsaan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar sekolah tentang bahaya dadah di sekolah.
6. Program pada hari ini, diharap dapat dijadikan sebagai pemangkin kepada MBSP, Agensi Antidadah kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang untuk menjana program susulan demi memberi manfaat kepada pelajar-pelajar sekolah.
7. Program ini dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia MBSP dengan melibatkan kolaborasi dan kerjasama daripada Jabatan-Jabatan Dalaman MBSP yang lain iaitu Jabatan Perhubungan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Landskap.

8. MBSP mengambil serius pelaksanaan tempat kerja bebas dadah ini yang bertujuan untuk memastikan kawasan tempat kerja dan sekolah bebas daripada dadah. Gejala penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar-pelajar negara kita semakin meningkat dan membimbangkan jika tidak dicegah dan menjadi parah.
9. MBSP berharap agar Program Komuniti – Ceramah Dan Pameran Kesedaran Bahaya Dadah di Sekolah bersama pelajar dapat dijadikan pemangkin kepada MBSP untuk terus menyokong Pulau Pinang lawan ancaman dadah. Adalah juga diharapkan program yang diadakan ini dapat menyediakan ruang untuk pelajar sekolah memahami serta menghayati dan menghindari diri daripada penyalahgunaan dadah.
10. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak urusetia, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Pulau Pinang; Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Seberang Perai Tengah; Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPN); Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah (PPD) dan Sekolah Kebangsaan Kebun Sireh serta semua pihak yang memberi kerjasama dalam menjayakan dan menjadikan program ini menjadi kenyataan.
11. Saya dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, merasmikan **Program Komuniti – Ceramah dan Pameran Kesedaran Bahaya Dadah di**

**Sekolah (Program Tempat Kerja Bebas Dadah) Majlis Bandaraya
Seberang Perai.**

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***